



KENYATAAN MEDIA

PERKESO DAN MRC METERAI KERJASAMA STRATEGIK

MERANGSANG PENGLIBATAN PEKERJA TEMPATAN DALAM INDUSTRI GETAH

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (**PERKESO**) dan **Majlis Getah Malaysia (MRC)** telah menandatangani satu **Memorandum Persefahaman (MoU)** untuk bekerjasama merangsang pengambilan tenaga kerja tempatan dalam industri getah negara, hari ini.

Insentif yang dilaksanakan melalui kerjasama strategik dua hala ini turut bermatlamat untuk menyokong dan mengukuhkan lagi usaha Kerajaan dalam **mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing**, sekaligus **mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan** dalam industri getah.

MoU ini telah ditandatangani oleh **Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO** dan **Nor Hizwan Bin Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif MRC**. Ia telah disaksikan oleh **Azziruan Bin Arifin, Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO** dan **Tuan Haji Zakaria bin Haji Ab Rahim, Ahli Lembaga Pemegang Amanah, mewakili Pengerusi MRC**.

Menerusi kerjasama ini, PERKESO akan membantu mempromosi peluang kerjaya yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat di bawah MRC kepada orang ramai khususnya kepada pencari kerja aktif dari kawasan luar bandar. Ia merangkumi penganjuran aktiviti seperti sesi temu duga terbuka, program kebolehpasaran pekerjaan, webinar kerjaya, karnival pekerjaan dan sebagainya. Usaha ini akan disokong oleh inisiatif **JaminKerja – Insentif Penggajian (JKIP)** di bawah Bajet 2022, di mana majikan yang berdaftar di bawah MRC dan membuat pengambilan pekerja bermula 1 Januari 2022 layak untuk memohon dan menerima insentif kewangan JKIP ini.

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed dalam ucapannya berkata “Menerusi kerjasama ini, PERKESO selaku penyedia Perkhidmatan Pekerjaan Awam melalui portal MYFutureJobs, dapat membantu merancakkan pasaran buruh negara menerusi tawaran pekerjaan kepada pencari kerja tempatan khususnya dalam industri getah, meningkatkan bekalan tenaga kerja kepada majikan berdaftar di bawah MRC dan membantu menurunkan kadar pengangguran negara.”

“Di samping JKIP, PERKESO juga akan berusaha untuk merangsang para pekebun kecil untuk berdaftar dengan kami di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dengan menyediakan bantuan untuk membiayai pakej SKSPS mereka untuk tempoh masa tertentu. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan perlindungan keselamatan sosial kepada individu bekerja sendiri yang berdaftar di bawah MRC,” tambah Dr Azman.

MRC telah memperkenalkan Dana Pengambilan Pekerja Tempatan atau *Hiring Malaysian Workers Fund (HMWF)* pada tahun 2020 untuk menggalakkan penyertaan pekerja tempatan dalam industri getah. “Memandangkan negara berada dalam fasa pemulihan selepas COVID-19, sudah tiba masanya untuk kita menyokong industri getah Malaysia, dengan menggalakkan majikan mengambil lebih ramai pekerja tempatan dan seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing,” ujar **Nor Hizwan Ahmad**.

Menurut Hizwan lagi, HMWF 2.0 yang telah ditambah baik ini akan melengkapi inisiatif PERKESO yang bukan sahaja dapat mengurangkan kadar pengangguran di negara ini, malahan membantu mengurangkan beban majikan dalam menghadapi masalah berkaitan pekerja asing.

Dengan kerjasama strategik seumpama ini, PERKESO dan MRC dapat memperluaskan lagi penyampaian perkhidmatannya menerusi bidang kepakaran masing-masing demi kesejahteraan seluruh Keluarga Malaysia.

dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Strategik, PERKESO

dan

Bahagian Komunikasi Strategik, MRC

31 Mac 2022

Mengenai PERKESO:

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800). Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berteraskan konsep tanggungjawab bersama menerusi sumber terkumpul, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan.

Sejak pandemik melanda negara pada tahun 2020, PERKESO telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kerajaan di bawah beberapa Pakej Rangsangan Kerajaan seperti PRIHATIN, PENJANA, KITA PRIHATIN, BELANJAWAN 2021 PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+. PERKESO kini sedang melaksanakan bantuan Kerajaan yang telah ditambah baik di bawah peruntukan Bajet 2022 menerusi program seperti SIP Subsidi Upah Bersasar, SIP EMP+, SPS Padanan Caruman, SPS Khidmat, JaminKerja – Insentif Penggajian dan SIP Gig.

Mengenai MRC:

Majlis Getah Malaysia (MRC), dahulunya dikenali sebagai Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC) telah ditubuhkan pada 14 April 2000 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK). MRC ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. MRC bertanggungjawab untuk mempromosikan getah dan produk getah berkualiti Malaysia di pasaran dunia.

MRC mempunyai pejabat di luar negara iaitu di Amerika Syarikat (USA), Eropah, China, India dan Timur Tengah.

Sila layari www.myrubbercouncil.com untuk maklumat lanjut

UNTUK PERTANYAAN MEDIA, SILA HUBUNGI:

PERKESO

Shafiq Adnan | shafiq.adnan@perkeso.gov.my | +6018-3246720

Hamisah Hamid | hamisah.hamid@perkeso.gov.my | +019-3833605

MRC

Wan Laila +6019-3314145

Diyana +6011-11650318

'Aisyah 'Izzati +6017-7391219